

Impak peralihan subsidi



UNTUNG
RUGI

ANUAR SHAH BALI MAHOMED

Pelbagai pandangan telah dinyatakan berkenaan peralihan subsidi dari segi pelaksanaannya supaya ia benar-benar membantu mereka yang memerlukan dan tidak banyak membebankan rakyat Malaysia yang lain.

Pengenalan Pangkalan Data Utama (PADU) baru-baru ini dilihat menguatkan lagi kemungkinan pelaksanaan langkah peralihan subsidi pukal kepada lebih bersasar termasuk petrol, diesel dan makanan yang akan mula dilaksanakan pada tahun ini.

Peralihan subsidi pukal kepada lebih bersasar bagi RON95, ia berpotensi memberikan kesan terhadap pembelian kenderaan dan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi kos perjalanan menggunakan kenderaan sendiri.

Begitu juga kesan subsidi bersasar tarif elektrik turut berpotensi memberikan kesan terhadap harga barangan khususnya produk yang banyak bergantung kepada penggunaan elektrik yang tinggi.

Terdapat keperluan untuk melihat secara lebih mendalam kesan dalam pe-

laksanaan subsidi bersasar dan pada masa sama kita ingin memastikan harga barangan dapat dikawal daripada segi kenaikannya. Subsidi bersasar ini juga turut memberikan kesan terhadap kuasa beli yang berpotensi menyebabkan rakyat lebih berhati-hati dalam berbelanja.

Berdasarkan pengelasan isi rumah pada tahun 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, isi rumah yang berpendapatan bawah RM4,850 sebulan dikategorikan sebagai B40, isi rumah M40 berpendapatan antara RM4,851 hingga RM10,970, manakala kumpulan isi rumah yang berpendapatan melebihi RM10,971 dikategorikan sebagai T20. T20 dibahagikan kepada dua iaitu T1-RM10,971 hingga RM15,040 dan T2-RM15,041 dan ke atas. Namun, berdasarkan pengumuman sebelum ini, pengelasan B40, M40 dan T20 bakal dihapuskan secara berperingkat mulai tahun ini.

Penulis berpandangan pengelasan isi rumah ini dilihat tidak bertepatan dengan keadaan dan situasi semasa pada ketika ini dengan mengambil kira harga barangan dan kos sara hidup. Bahkan, kenaikan gaji yang diterima oleh sebahagian pekerja juga tidak seimbang dengan kenaikan harga barangan dan kos sara hidup.

Selain itu, penulis berpandangan sebelum pelaksanaan subsidi bersasar dilaksanakan, amat penting untuk disemak

semula pengelasan pendapatan isi rumah dengan bersandarkan kepada penetapan klasifikasi baharu pendapatan boleh belanja bersih isi rumah berbanding klasifikasi berdasarkan pendapatan isi rumah yang digunakan pada ketika ini.

Sebagai contoh, berdasarkan pendapatan isi rumah pada ketika ini, bukan semua T20 pada tergolong dalam kelompok yang mewah dan kaya. Penulis telah menjelaskan sebelum ini bagaimana anggaran perbelanjaan bagi pendapatan isi rumah sebanyak RM12,000 yang dikategorikan pada ketika ini sebagai pendapatan isi rumah T20.

Namun, selepas ditolak semua perbelanjaan termasuk pembayaran pinjaman, pembayaran bil, pembelian barangan keperluan harian, perbelanjaan tanggungan yang kecil, masih di sekolah atau di Institusi Pengajian Tinggi, insurans dan lain-lain, berapa baki yang tinggal di tangan? Berapakah baki di tangan beberapa hari sebelum menerima gaji seterusnya? Sebahagian T20 bukan mewah sebenarnya terutamanya yang bekerja di kawasan bandar dan mempunyai bilangan tanggungan ramai yang mempunyai komitmen perbelanjaan yang tinggi.

Peralihan kepada penetapan klasifikasi baharu berdasarkan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah adalah sesuatu yang wajar dilaksanakan. Penulis berpandangan peralihan subsidi perlu

juga mengambil kira bilangan tanggungan yang masih kecil, sedang belajar di sekolah atau di institusi pengajian tinggi.

Selain daripada klasifikasi baharu pendapatan boleh belanja bersih isi rumah diperkenalkan, pelaksanaan gaji progresif juga perlu disegerakan bagi membantu untuk meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia.

Tinjauan gaji tahunan 2024 Robert Walters mendapati 63 peratus atau lebih tiga daripada lima pekerja menjangkakan kenaikan gaji tahun ini dan sebahagian besar (71 peratus) menjangkakan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus tahun ini.

Ini membuktikan bahawa pekerja di Malaysia mengharapkan berlakunya kenaikan gaji yang lebih baik pada tahun ini sama ada di sektor swasta mahupun di sektor awam untuk mengimbangi kos sara hidup.

Perkara ini juga tentu sekali menjadi lebih penting dengan pelaksanaan program subsidi bersasar. Amat penting untuk mengimbangi antara subsidi bersasar dan gaji setimpal yang wajar diterima oleh pekerja Malaysia dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan situasi semasa pada ketika ini yang lebih mencabar.

** Profesor Madya Ts. Dr. Anuar Shah Bali Mahomed merupakan Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia/The Future Research*